

SIR SAYYID AHMAD KHAN DAN GERAKAN PEMBAHARUAN DI ALIGARH

Ahmad Nabil b. Amir

International Institute of Islamic Thought and Civilization (STAC-IIUM)

E-mail: nabiller2002@gmail.com

Abstract

This paper examines the profound contribution of Sir Sayyid Ahmad Khan in leading the movement for reform in Aligarh Muslim University. It traced back the historical development of his struggle in establishing Aligarh and to inspire intellectual revival and the momentous and significance effort to modernize Islamic education. This research is crucial to understand the unprecedented impact of his struggle for reform and development of Islamic rationalism and scientific consciousness. His work and aspiration was continued in higher educational policy in Aligarh and the Islamic world to advocate the idea of modernity and scientific renewal in contemporary education and modern-day thought.

Keywords: *Aligarh Muslim University, Modern education, Rationalism, Sir Sayyid Ahmad Khan, Science*

Abstrak :

Kertas ini mengkaji usaha dan sumbangan Sir Sayyid Ahmad Khan dalam memelopori gerakan islah dan pembaharuan di Aligarh Muslim Universiti. Ia menyorot sejarah awal perjuangan beliau dalam menubuhkan Aligarh bagi mencetuskan kebangkitan akliah dan menggerakkan usaha modernisasi pendidikan Islam. Metodologi kajian adalah berdasarkan kaedah induktif, dan deduktif dengan menganalisis penulisan tentang Sir Sayyid dan pemikirannya serta sumbangannya dalam pembangunan Aligarh dan cuba merumuskan pandangan dan sumbangan yang diberikan dari perjuangan dan gerakan intelektual ini kepada pembaharuan dan kebangkitan Islam. Kajian ini penting bagi melihat pengaruh dan kesan daripada perjuangan Sir Sayyid Ahmad Khan dalam menegakkan perubahan dan membawa kesedaran dan faham rasionalisme Islam yang meluas. Aspirasi ini diteruskan dalam dasar pendidikan tinggi di Aligarh dan dunia Islam lain bagi mengangkat nilai kemodenan dan sains dalam harakat pendidikan dan pemikiran Islam moden.

Kata Kunci: *Sir Sayyid Ahmad Khan, Aligarh Muslim Universiti, pendidikan moden, rasionalisme, sains*

A. PENDAHULUAN

Dalam perjuangan menghapuskan tindasan imperialisme dan menuntut kebebasan politik di India, Sir Sayyid Ahmad Khan (1817-1898) telah melakarkan legasi yang penting dalam perjuangan yang digerakkan beliau sejak pertengahan kurun ke 19 dalam gerakan politik dan pemikiran yang mencabar pengaruh imperialis Barat. Dengan gagasan modernisme Islam yang tuntas, beliau telah merangka strategi perjuangan yang ideal untuk menghadapi tentangan dan tindak balas yang keras daripada British. Usaha pembaharuan yang dimulakan beliau difokuskan dalam aspek pendidikan, dengan menekankan semangat kebebasan dan pencerahan akliah, dan pemugaran sains dan rasionalisme. Ini dizahirkan dengan penubuhan Aligarh Muslim University (AMU) pada tahun 1875 bagi memacu kemajuan intelek, sains, sosial dan ekonomi umat Islam di India.

Usahnya memugar dan mengangkat idealisme sains ini berangkat dari kesedarannya terhadap nilai saintifik dan ijthad dalam membawa masyarakat kepada tujuan-tujuan modernisasi dan rasionalisme yang mulai berpengaruh pada masa itu. Pilar-pilar pembaharuan yang bersifat saintifik ini diterapkan dalam tradisi keilmuan yang dikembangkan di *Muhammadan Anglo-Oriental College* (MAOC) di Aligarh, di mana pengkajian dan penyebaran ilmu di institusi ini didasarkan atas a) kebebasan dalam berfikir, b) penghargaan terhadap sains dan budaya asing (Barat), c) keterbukaan, d) keseimbangan dalam pengembangan segi moral kejiwaan dan fikiran siswa. Ini, menurut Sir Alfred Comyns Lyall, dapat memenuhi keperluan masyarakat Islam dan sedikit atau banyak juga dapat memenuhi keperluan seluruh masyarakat lain yang ada di India.¹

Tinjauan ini memperhatikan tentang karya-karya yang membahas tentang perjuangan dan usaha pembaharuan yang digerakkan Sir Sayyid Ahmad Khan. Ini disorot secara ringkas dari kajian-kajian lepas yang signifikan dan terkait dengan topik yang dibincangkan dalam penulisan ini. Dalam kajiannya tentang respon Muslim terhadap penjajahan Inggeris di India, dan hubungannya dengan reformasi pendidikan yang digerakkan Sir Sayyid Ahmad Khan (1817-1898), Tauseef Ahmad Parray memperlihatkan bahawa dalam usahanya merespon imperialisme Barat, dan merubah nasib intelektual, politik dan ekonomi orang Islam di India, Sir Sayyid telah membentuk Gerakan Aligarh bagi menggerakkan kebangunan intelek dan pembaharuan sosio-moral masyarakat Muslim. Bagi menggerakkan program pendidikan dan menanamkan semangat progresif ini, Sir Sayyid telah mendirikan Pertubuhan Saintifik Aligarh (Aligarh Scientific Society) dan *Muhammadan Anglo-Oriental College* di Aligarh dan

¹ Shan Muhammad, (ed.), *The Aligarh Movement. Basic Document 1864-1894*. Vol. II. (Meerut: Meenakshi Prakashan, 1978)

Muhammadan Anglo-Oriental Educational Conference serta mengeluarkan majalah berkala *Tahzib al-Akhlaq* dan Aligarh Institute Gazette (akhbar Aligarh).² Kenyataan ini turut diperkuat oleh Md. Mizanul Haque dalam tesisnya yang menyorot susuk Sir Syed sebagai seorang modernis dan reformis yang visionari. Ia menyebut prospek baru yang dikembangkan Sir Syed dalam menafsirkan peristiwa pemberontakan pada 1857 dan kesan pergelutan ini dalam membentuk pemahamannya tentang imperialisme Barat dan hubungannya dengan falsafah pembaharuan yang digerakkannya dalam mempengaruhi kehidupan sosio-agama, politik, dan pendidikan Muslim di India.³ Kesan ini turut ditekankan oleh Belkacem Belmekki dalam tulisannya tentang pengaruh gerakan pembaharuan Sir Sayyid dalam menggembling kebangkitan sosio-agama masyarakat Islam India di kurun kesembilan belas yang menjadi tujuan utama diasaskannya Gerakan Aligarh.

Dalam perspektif yang sama, Mohammad Sajjad mengupas visi pendidikan Sir Sayyid, dan rencana penubuhan Mohammedan Anglo Oriental (MAO) College bagi mendedahkan pemuda Muslim India kepada corak pendidikan Barat yang maju dan terkehadapan. MAO dibentuk berasaskan model Oxbridge [mengikut sistem residential college (kolej residensi) dalam bentuk dan kandungannya. Sebelumnya beliau telah memulakan eksperimen ini dengan mendirikan institusi pendidikan Barat di Moradabad pada 1859 dan Ghazipur pada 1862 bagi menguji kemampuan pendidikan Barat dalam mengembangkan pemikiran dan meningkatkan kesejahteraan materi pelajar di masa depan. Ini selaras dengan aspirasi intelektualnya yang tinggi dan idealistik, di mana beliau memandang pendidikan bukan sekadar untuk mencari penghidupan, sebaliknya untuk mengembangkan pemikiran dan intelek. Persoalan yang sama turut diungkapkan oleh Gunawan B. Dulumina dalam artikelnya “Gerakan Pembaruan Sayid Ahmad Khan” yang merumuskan aspirasi moden dan inisiatif yang digerakkannya dalam memerangi buta huruf dan mencelikkan umat Islam di India.⁴ Dalam hubungan ini, beliau cuba menafsirkan semula doktrin-doktrin Islam yang selaras dengan kemajuan ilmu pengetahuan dan penemuan sains dan teknologi. Namun pendekatannya yang radikal ditentang oleh golongan Muslim yang konservatif di India yang menolak idea-idea moden dan paham rasionalisme yang dibawanya. Dalam rangka yang sama Shahnaz Shabbir turut membahas impak dari gerakan Aligarh yang dibawa oleh Sir Syed. Ini dibincangkan dalam bab satu dari tesisnya “Religious Ideas of Sir Syed Ahmad Khan: A Critical Analysis” yang menggarap kerangka besar dari falsafah dan aspirasi perubahan yang digemblingnya dalam merespon kemajuan saintifik di Barat

² Tauseef Ahmad Parray, “Muslim Response to Imperialism in India: A Study of the Educational Reforms of Sir Sayyid Ahmad Khan” *History Studies*, 4 (3): 153-171, 2012.

³ Md. Mizanul Haque. *Sir Syed Ahmad Khan: A Modernist Reformer with Political Vision* (Tesis Ph.D, Faculty of Arts and Commerce, University of Kalyani, West Bengal India, 2012).

⁴ Gunawan B. Dulumina, “Gerakan Pembaruan Sayid Ahmad Khan” *Jurnal Hunafa* 2 (2): 159-166, 2005

dan perjuangannya dalam mengimbangi tentangan Barat dengan keterbukaan terhadap nilai dan aspirasi modennya.⁵ Pendekatan kritis yang dirumuskan Sir Syed ini turut ditelaah oleh Rahmani Begum Mohammad Ruknuddin Hassaan dalam tesisnya “The Educational Movement of Sir Syed Ahmed Khan 1858-1898” yang menganalisis usaha Sir Syed dalam mengartikulasi pandangan reform dan menggerakkan pembaharuan di India dan perkembangan idea-idea yang revolusioner ini dalam pemikiran intelektualnya.⁶ Diilhamkan daripada kunjungannya ke England antara 1869-1870 beliau memanfaatkan pengalamannya yang mencabar bagi memulihkan kekuatan Islam di India. Aspirasi inilah kemudiannya direalisasikan sepanjang 1870-1878, dengan pembaharuan yang digerakkan dan pencapaian-pencapaiannya yang penting dalam aspek politik, sosial, moral dan pendidikan termasuk pembentukan MAO College di Aligarh dan aktiviti-aktiviti yang digerakkan di luar kolej (antara 1879-1898) dalam menyediakan pendidikan moden yang mampu menyaingi pengaruh Barat yang dominan.

PEMBAHASAN

Mohammedan Anglo-Oriental College (MAOC) yang juga dikenali sebagai Madrasat ul-‘Ulum Musalmanan telah diasaskan pada 1875 oleh sekumpulan Muslim India di bawah pimpinan Sir Sayyid Ahmad Khan yang berusaha mengangkat dasar pendidikan moden yang menfokuskan kepada rekonstruksi dan pembaharuan. Ia ditubuhkan sebagai Kolej dan Sekolah Residen dengan menggariskan polisi dan falsafah dasar yang mempertahankan idealisme moden, dan berkembang menjadi Aligarh Muslim University (AMU) pada 1920.

Melihat kedudukan umat Islam yang terkebelakang dalam aspek pendidikan, Sir Sayyid merencanakan upaya rekonstruksi yang radikal, bagi memberikan respon yang tuntas kepada cabaran moden dan menzahirkan aspirasi pembaharuan dan mengasak idealisme dan nilai Islam yang progresif.

Menurut Sir Sayyid, institusi ini didirikan bagi melahirkan penuntut yang ideal dan pragmatik, luas jangkauan budaya dan agamanya, dan dinamik dalam weltanschauung dunianya. Ini seperti ditegaskan dalam testimoni yang diikrarkannya di hadapan W.W. Hunter Education Commission pada 1882:

⁵ Shahnaz Shabbir. *Religious Ideas of Sir Syed Ahmad Khan: A Critical Analysis* (Tesis Ph.D, Aligarh Muslim University, Aligarh, 2006).

⁶ Rahmani Begum Mohammad Ruknuddin Hassaan. *The Educational Movement of Sir Syed Ahmad Khan 1858-1898* (Tesis Ph.D, School of Oriental and African Studies, University of London, 1959).

“to form a class of persons, Muhammadan in religion, Indian in blood and colour, but English in tastes, in opinions, and in intellect.” (untuk melahirkan kelas penuntut, Islam pada agama, berdarah dan berkulit India, tetapi dengan citarasa, pandangan dan minda Inggeris).⁷

Ia menzahirkan upaya beliau yang keras untuk memperjuangkan aspirasi moden ke arah pemerkasaan dan pemacuan sains dan akal.

Ia membayangkan semangat progresif, kebangkitan intelek, sosio-moral dan melakarkan masa depan pendidikan yang jelas, tepat seperti diungkapkan oleh Mahatma Gandhi tentang ketokohan Sir Sayyid: “Sir Sayyid was a prophet of education.”

Tradisi akhlah yang digerakkan di Aligarh, dan gagasan pendidikan yang diilhamkan oleh Sir Sayyid telah memberikan pengaruh yang penting dalam mencorakkan masa depan politik Islam di India. Institusi pendidikan yang diasaskan beliau ini telah melakar sejarah penting dalam melahirkan pemikir dan intelektual Islam yang ulung di India seperti Aziz Mirza, Maulana Shaukat Ali, Maulana Mohammad Ali, Abdur Rab Nishtar, Maulvi Abdul Haq, Liaquat Ali Khan, Khawaja Nazimuddin, Dr. Zakir Hussain dan lain-lain.

Pemikiran moden beliau terus diangkat dan direalisasi dengan penubuhan Aligarh Scientific Society pada 1865, yang dibentuk berlandaskan model British Royal Society dan Royal Asiatic Society, dengan matlamat menyebarkan pendidikan moden dan liberal dan pemikiran saintifik Barat kepada umat Islam di India.

Gerakan Aligarh ini telah diteruskan oleh generasi kedua dan seterusnya yang menyambung tradisi perjuangan dan kepimpinan Aligarh. Tokoh-tokoh India Muslim terkemuka yang menerajui dan mengambil alih peranan yang dititipkan daripada warisan perjuangan Sir Sayyid seperti Sayyid Mahdi Ali (Nawab Muhsin al-Mulk) (1837-1907), Viqar al-Mulk (1841-1917), Altaf Husain Hali (1837-1914) (penulis biografinya dalam Urdu – *Hayat i Jawid* [Eternal Life]), Muhammad Shibli Nu‘mani (1857-1914) dan lain-lain.

Pemikiran

Dalam aktiviti penulisannya beliau telah menghasilkan karya-karya besar yang mengungkapkan idea dan falsafah pemikiran yang kritis, seperti buku *A Series of Essays on the Life of Muhammad (saw) and Subjects Subsidiary Therein*, *Tafsir al-Qur’an*, *Tafsir Bible*, *Loyal Muhammadans of India*, *Tabyin-ul-kalam*, *Jila-ul-Qulub bi Zikr il*

⁷ David Lelyveld, “Macaulay’s Curse: Sir Syed and Syed Mahmood” (Kertas kerja dibentangkan dalam “Sir Syed Ahmad Khan: A Centenary Panel,” Association for Asian Studies, Washington, D.C., March 27, 1998).

Mahbub, Tuhfa-i-Hasan, Tahsil fi jar-i-Saqil, Asar-ul- Sanadid, Namiqa dar bayan masala tasawwur-i-Shaikh, Silsilat ul-Mulk, Tarikhi Sarkhasi Bijnaur, Musafaran-i London dan sebagainya. Hasil-hasil karya yang produktif ini menganalisis dengan mendalam tentang warisan pemikiran Islam dalam mazhab kalam, falsafah, seni, budaya, arkitek, agama, sejarah, politik, dan lain-lain. Penulisan beliau menzahirkan pengaruh yang ketara daripada mazhab Shah Waliyullah yang menekankan kepada kebangkitan akliah dan mengusung idealisme pembaharuan dan ijtihad, serta menolak dasar taqlid. Ia berusaha mengemukakan tafsiran dan interpretasi semula terhadap pemikiran Islam klasik dengan pandangan dan idea-idea liberal yang dicanangkannya selari dengan tuntutan moden.

Karya-karya ini memberi pemahaman falsafah yang signifikan dan memberi pengaruh kepada memperkuat asas dan perkembangan gerakan Aligarh yang dipelopornya. Kelanjutan dari ideal ini yang disebarkan melalui majalah *Tahzib al-Akhlaq (Social Reformer)* yang digerakkan pada 1870 telah membawa kepada penubuhan Anglo Oriental College (MAOC) di Aligarh pada 1878. Faham pembaharuan yang dianut dan disebarluaskan oleh murid-muridnya ini terus dikembangkan secara radikal tiga dekad sepeninggal Sir Sayyid, di mana MAOC pada 1920 telah dinaikkan statusnya menjadi universiti dan “pengembangannya diarahkan pada perluasan wawasan dan cakrawala berpikir, humanisme yang luas serta menerapkan sikap ilmiah.”⁸

Dalam tafsiran beliau terhadap Bible, beliau memperlihatkan Islam sebagai agama yang terdekat dengan Kristian, yang berakar dari satu warisan samawi, daripada agama Nabi Abraham (as).

Tulisannya yang jitu yang membedah punca yang mencetuskan pemberontakan pada 1857, *Asbab-e-Baghawat-e-Hind* atau *The Causes of the Indian Revolt (1859)* (diterjemahkan oleh Auckland Colvin dan Lt. Colonel Graham), menjelaskan tentang faktor yang menimbulkan kekacauan dan rusuhan tersebut, yang sebenarnya meledak kerana tindasan dan kepincangan pentadbiran British, yang menafikan hak kaum India untuk terlibat dalam Majlis Perundangan, dan menghalang pandangan dan suara mereka dalam rangka polisi yang dikemukakan.

Tindak balas British yang keras ke atas Muslim di Delhi setelah pemberontakan itu memberi kesan terhadap Sir Sayyid untuk menulis keadaan sebenar yang dihadapi dan memperbaiki salah tanggapan yang disogok kepada pihak kolonial yang mendakwa pemberontakan itu merupakan konspirasi Muslim untuk menjatuhkan British. Tulisan

⁸ David Lelyveld, “Macaulay’s Curse: Sir Syed and Syed Mahmood” (Kertas kerja dibentangkan dalam “Sir Syed Ahmad Khan: A Centenary Panel,” Association for Asian Studies, Washington, D.C., March 27, 1998).

beliau itu dibidas dan digeruni oleh pemerintah kerana kelantangan kritiknya dan bertindak untuk menghukum dan menghumbannya ke penjara. Namun majoriti atasan telah membela dan mempertahankan tulisan itu kerana memberikan saranan dan prinsip pemerintahan yang berkesan untuk diperbaiki oleh British.

Buku beliau iaitu *Essays on the Life of Muhammad (saw)* atau *Al-Khutubat al-Ahmadiyah 'ala al-'Arab wa al-Sirah al-Muhammadiyah (saw)* (1887) yang karya asalnya ditulis dalam Urdu (diterjemahkan oleh anak lelakinya ke dalam bahasa Inggeris) merupakan jawapannya kepada Sir William Muir (1819-1905) tentang kritiknya terhadap hadith dan catatan sirah yang ditulisnya (*The life of Mahomet [saw]: with introductory chapters on the original sources for the biography of Mahomet and on the pre-Islamite history of Arabia*, Osnabruck, 1988, pertama kali diterbitkan 1857-1861). Buku *Essays* ini memuatkan kritikan Sir Sayyid terhadap penyimpangan golongan orientalis dalam menanggapi karya-karya hadith dan teologi dan tangkisannya terhadap Muir dan kritiknya terhadap penulisan orientalisme tentang sirah dan kefahaman yang disogoknya dengan respon yang substantif dan analisis tajam.

Sayyid Ahmad Khan menolak kerangka metode yang dipakai Muir dalam mengkritik hadith. Muir memakai manhaj Barat yang kritis terhadap bahan-bahan biografis yang terdapat dalam hadith dalam usahanya untuk membangunkan semula sejarah yang tepat tentang kehidupan Nabi Muhammad (saw). Beliau menolak sebarang kekuatan mukjizat yang dinisbahkan kepada Nabi (saw). Penyebaran Islam hanya dapat dijelaskan dari segi pemahaman manusia sepenuhnya, justeru beliau cuba merasionalisasikan sebarang unsur ghaib yang ditemui dalam hadith. Ahmad Khan membantah kesimpulan yang diambil Muir dan mempertahankan metode tradisional dalam pengesahan hadith dan autoritinya dalam hal-hal menyangkut kepercayaan dan amalan agama.

Tahzib Al-Akhlaq

Majalah *Tahzib al-Akhlaq* yang diterbitkan pada Disember 1870 menjadi media penting untuk menyebarkan idea-idea pembaharuan Sir Sayyid, di samping menjadi platform dalam pengembangan sastera urdu.

Ia memuatkan kritikan dan pandangan moden, dan mengusung faham dan idea-idea liberalnya. Dasar dan falsafah pemikirannya yang pragmatis menetapkan pemakaian akal sebagai hujah dalam pentafsiran teks. Ia mengetengahkan falsafah Barat dan gagasan modennya dalam ikhtiarnya untuk membawa pembaharuan dan pencerahan. Usaha penerbitan jurnal *Tahzib al-Akhlaq*, ini telah diteruskan dengan *Aligarh Institute Gazette* yang diterbitkan oleh Aligarh Muslim University yang menggariskan sistem dan falsafah pemikiran yang digagaskannya yang merangkul idea dari kebudayaan Timur dan Barat dan mempertahankan idealisme pemikiran yang inklusif.

Pandangan dan gagasan besar yang progresif yang digariskan ini telah memberi sumbangan yang bermakna kepada reformasi pendidikan dan upaya pencerahan di India. Dengan ketajaman analisisnya, nilai Islam yang moden dan dinamik telah diangkat, dan aspirasi sains dan kebebasan dan nilai-nilai rasional ditegakkan dengan semangat dan idealisme perjuangan yang dibawanya.

Tantangan Ulama

Dikritik sebagai kufur kerana tafsiran liberal beliau terhadap kitab suci, Sir Sayyid dilihat menggugat tafsiran ortodoks yang dipertahankan oleh puak konservatif. Beliau turut dikecam kerana tindakan politik beliau yang dilihat membakar sentimen perkauman dan mencetuskan kebencian dan mencipta ketegangan antara Hindu dan Islam. Justeru kerana kekhuatirannya bahawa jika puak Hindu memerintah ia akan mengikis budaya Arab-Parsi yang telah berakar umbi dalam legasi dan perjuangan Islam di India.

Beliau turut dikritik oleh Iqbal, kerana kesetiaan beliau kepada Raj, dan ketundukan beliau kepada British dan kerjasama politik yang diikat antara Muslim dan British.

Persefahamannya dengan Inggeris, sebenarnya bertujuan untuk membangunkan umat yang terbelakang dan lemah, dengan memanfaatkan semangat kebangunan (renaissans) dan pencerahan yang diilhamkan di Eropah, bagi menggerakkan perubahan dan kemajuan umat di India ke arah transisi politik dan pemikiran dengan kekuatan sains dan teknologi moden.

Perjuangan beliau menuntut islah dan pembaharuan tidak menghalang dan menafikan usahanya untuk mengkritisi dasar British, yang jelas menindas dan menekan perjuangan dan kebebasan yang dituntut oleh rakyat walaupun disogok dengan pangkat kehormatan dan meraih naungan daripada pemerintah British.

KESIMPULAN

Sir Sayyid Ahmad Khan, sebagai aktivis-sosial yang pragmatis, dan pelopor penting gerakan revivalis Islam di India pada kurun ke 19 telah mencetuskan pembaharuan dan melakar pengaruh yang meluas dalam gerakan nasionalis dan agama di India. Beliau telah membangunkan kekuatan politik, sosial dan ekonomi umat dengan mengusung idealisme dan pandangan tajdid yang mendasar yang menolak faham konservatif dan mencabar aliran pemikiran dan perhitungan politik penjajah. Perjuangan kritis yang dipimpin menyaksikan tentangan dahsyat yang diterima beliau dari masyarakat dan pemerintah - British yang berusaha memaksakan ideologinya dengan

taktik penjajah yang menekan suara di bawah, sementara umat pula masih mempertahankan sikap dan fahaman yang kolot.

Lahirnya Aligarh Muslim University (AMU), Perguruan Tinggi yang didirikan beliau pada 1875, yang meletakkan asas pendidikan moden yang inklusif, telah memangkin perubahan dan kesedaran yang meluas. Dengan kesan perubahan yang substantif yang dibawa, ia telah mencetuskan momentum penting dalam menggerakkan daya perubahan yang meluas dan radikal dalam pemikiran, dan mengilhamkan aspirasi perjuangan yang fundamental dalam harakat politik dan intelek. Sumbangan bermakna yang dicetuskan oleh Sir Sayyid ini harus diteruskan dalam harakat pembaharuan yang digagaskan di abad moden bagi meneruskan legasinya dalam babak sejarah yang baru yang lebih berdaya dan revolusioner.

DAFTAR PUSTAKA

David Lelyveld, *Aligarh's First Generation: Muslim Solidarity in British India* (Princeton: Princeton University Press, 1978).

David Lelyveld, "Macaulay's Curse: Sir Syed and Syed Mahmood" (Kertas kerja dibentangkan dalam "Sir Syed Ahmad Khan: A Centenary Panel," Association for Asian Studies, Washington, D.C., March 27, 1998).

Gunawan B. Dulumina, "Gerakan Pembaruan Sayid Ahmad Khan" *Jurnal Hunafa* 2 (2): 159-166, 2005.

Rahmani Begum Mohammad Ruknuddin Hassaan. *The Educational Movement of Sir Syed Ahmad Khan 1858-1898* (Tesis Ph.D, School of Oriental and African Studies, University of London, 1959).

Shahnaz Shabbir. *Religious Ideas of Sir Syed Ahmad Khan: A Critical Analysis* (Tesis Ph.D, Aligarh Muslim University, Aligarh, 2006).

Shan Muhammad, (ed.), *The Aligarh Movement. Basic Document 1864-1894*. Vol. II. (Meerut: Meenakshi Prakashan, 1978)

Tauseef Ahmad Parray, "Islamic Modernist and Reformist Thought: A Study of the Contribution of Sir Sayyid and Muhammad Iqbal" *World Journal of Islamic History and Civilization*, 1 (2): 79-93, 2011.

Tauseef Ahmad Parray, "Muslim Response to Imperialism in India: A Study of the Educational Reforms of Sir Sayyid Ahmad Khan" *History Studies*, 4 (3): 153-171, 2012.

Tauseef Ahmad Parray, "Sir Sayyid Ahmad Khan (1817-1898) on Taqlid, Ijtihad, and Science-Religion Compatibility" *Social Epistemology Review and Reply Collective*, 4 (6): 19-34, 2015.